Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Lidah Penganang

HARAKAH

JUMAAT 26 MAC 1993 / 2 SYAWAL 1413

ANTARA LAUNGAN TAKBIR DAN JERITAN UMAT TERTINDAS

ALLAHU AKBARI ALLAHU AKBARI ALLAHU AKBARI RAMADHAN 1413 pasti meninggalkan kita, dan kita memasuki ambang berkat bulan Syawal pula. Biasanya orang-orang yang tinggi taqwa sekalipun penuh gembira bila digamit Syawal yang membawa erti kemenangan bagi Islam dan penganutnya, tetapi mereka pilu hendak ditinggalkan Ramadhan.

Ramadhan adalah semulia bulan yang di dalamnya tertutup pintu neraka dan terantai iblis. Padanya terbuka pintu syurga dan terdapat satu malam yang ganjaran ibadatnya sama dengan ibadat seribu bulan.

Bukankah neraka dan iblis itu seburuk-buruk dan sehina-hina tempat pulang bagi manusia dan kedua-duanya adalah makhluk yang tidak ada tempat dalam hati orang Islam. Kedua-duanya dalam bulan Ramadhan tadi Allah bekukan dari memerangkap mangsa secara langsung. Ertinya Allah lakukan demikian sebagai satu hadiah dan perlindungan kepada manusia. Tidak memadai dengan hadiah itu Allah buka pintu syurga dan anugerahkan satu malam Lailatul Qadar yang hikmatnya adalah satu limpah rahmat kepada manusia.

Segala jaminan keselamatan tadi tidak ada dalam bulan lain kerana selepas Ramadhan pintu neraka terbuka semula dan iblis terlepas dari rantaian. Malam Lailatul Qadar sudah tidak ada lagi. Selain dari anak Adam terdedah kepada ancaman yang menyesat dan menghinakan, ibadat anak Adam mendapat ganjaran biasa. Justeru itu orang taqwa pilu akan pemergian Ramadhan dan mereka merindui bulan itu yang akan datang setahun lagi. Alangkah ruginya mereka yang tidak merebut peluang rahmat yang Allah buka sepanjang Ramadhan itu.

Ramadhan sudah masing-masing lalui mengikut kadar keupayaan sendiri. Maka ini terpaksa menghadapi tugas seterusnya dari bulan Syawal hinggalah akhir Syaaban nanti. Adakah ia akan kita lalui seperti sebelumnya atau ia akan kita tingkatkan?

Orang-orang yang mendapat berkat dari ibadat Ramadhan sudah tentu tidak membiarkan kerja jihad dan ibadat seperti tahap lama juga. Mereka pasti meningkatkan daya juang dan kerja kerana hari dan bulan yang di hadapan ini adalah lebih mencabar dari masa-masa lalu.

Alam sekitar kita berkembang dan mencabar. Perkembangan yang mencabar iman manusia kian pesat dan berubah. Yang melalaikan manusia juga bertambah. Ancaman dan strategi musuh kian licin dan bahaya. Justeru itu ia mesti dihadapi dengan kerja yang bertambah dan ketaqwaan yang bertambah juga.

Kita melihat sekarang Islam mencapai kemenangan gemilang di Afghanistan. Perjuangan 14 tahun dulu dimeterai dengan kemenangan muktamad bulan Ramadhan ini dan mulai Syawal ini kerajaan jihad itu mula berperanan untuk umat manusia menikmati manfaatnya. Tidak ada kemenangan yang lebih besar darinya setelah tumbangkan empayer Othmaniyyah Turki 70 tahun lalu.

Tetapi kemenangan itu disusuli pula oleh himpitan yang tidak tertahan pedihnya bagi umat Islam Bosnia-Herzegovina, Somalia, Rohingya, India termasuk Kashmir, Iraq, Palestin dan lain-lain. Dalam negara umat Islam orang-orang yang berjihad diburu oleh orang-orang Islam yang berkuasa, dan sebagai orang minoriti di negara-negara lain diperhati dan dikepung.

Kebanyakan yang lapar sekarang adalah orang Islam. Yang ramai mati kerana peluru adalah orang Islam. Yang dibunuh dan ditembak adalah orang Islam. Penderitaan itu kian menjolok mata dalam beberapa tahun terakhir ini.

Mereka tidak dilindungi oleh kerajaan-kerajaan umat Islam. Jika ada pun pembelaan hanya dalam bentuk berbisik. Suara orang yang membela hampir tidak didengari oleh telinga orang yang bersuara itu sendiri. Demikianlah pahitnya penindasan yang dialami oleh dunia Islam hingga kewujudan dunia Islam dirasakan sebagai suatu yang tidak ada.

Suara orang Islam lebih banyak didengar orang-orang yang tidak berkuasa. Merekalah yang melaungkan jihad untuk membela saudaranya yang tertindas dan merekalah merasa pahit akan penderitaan umat Islam itu.

Orang-orang yang tidak berkuasa ini adalah dalam semua benua. Suara itu perlukan penyatuan. Dan memang mereka mara untuk bersatu bagi menegakkan pemerintahan seperti di Afghanistan itu di Mesir, Algeria, Maghribi, Tunisia, Turki, Palestin, Malaysia dan demikian juga di Asia Tengah dan lain-lain.

Sebelum kemenangan muktamad tercapai mereka terpaksa terlebih dahulu merobohkan rangkaian penindas yang serba canggih dan rapi.

Al-Quran merakamkan peristiwa Badar

Badar siri -3

Oleh:
TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

Bagi memperlihatkan betapa pentingnya peperangan Badar, Allah SWT telah menurunkan wahyu-Nya kepada Rasulullah s.a.w. iaitu ayat-ayat yang terdapat dalam Surah al-Anfal. Penurunan ayat-ayat tersebut adalah sebagai satu penghargaan yang besar kepada mereka yang terbabit dalam peristiwa yang bersejarah itu. Di antara ayat-ayatnya firman Allah yang bermaksud:

"Dan Ingatlah! Ketika Allah menjanjikan kepada kamu bahawa salah satu daripada dua golongan adalah untuk kamu, sedang kamu inginkan bahawa yang tidak mempunyai kekuatan senjata itulah untuk kamu dan Allah yang menghendaki untuk membenarkan yang benar dengan ayat-ayatnya, dan memusnahkan orang-orang kafir, agar Allah menetapkan yang hak (Islam) dan membatalkan yang batil (syirik) walaupun orang-orang yang berdosa (musyrik) tidak menyukainya.

Ingatlah ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhanmu, Lalu Ia memperkenankan bagi kamu. Sesungguhnya Aku akan mendatangkan bantuan keapda kamu dengan seribu malaikat yang datang berturut-turut". Dan Allah tidak menjadikannya melainkan sebagai khbar gembira dan agar hati kamu menjadi tenteram kerananya, dan kemenangan itu hanyalah dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Dan ingatlah ketika Allah menjadikan kamu mengantuk sebagai suatu ketenteraman yang datang dari-Nya dan Allah menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengannya, dan menghilangkan dari gangguan syaitan dan untuk menguatkan hati-hati kamu dan memperteguhkannya akan tapak kaki kamu.

Ingatlah ketika Tuhan kamu mewahyukan kepada malaikat. "Sesungguhnya Aku bersama kamu maka teguhkanlah pendirian orang-orang yang telah beriman". Aku akan jatuhkan rasa takut ke dalam hati orang-orang kafir, maka pancunglah hujung-hujung jari mereka. Ketentuan yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka menentang Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Allah amat keras siksa-Nya, itulah (hukum dunia yang dikehendaki ke atas kamu), maka rasakanlah hukuman itu, sesungguhnya bagi orang-orang kafir itu ada (lagi `azab neraka.

Hai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan orang-orang yang kafir yang sedang menyerang kamu, maka janganlah kamu menyebelahi mereka (undur), barang-siapa membelakangi mereka (undur) di waktu itu, kecuali kerana tujuan hekah peperangan, atau kerana hendak menggabungkan diri dengan pasukan yang lain maka sesungguhnya orang itu kembali dengan membawa kemurkaan Allah, dan tempatnya ialah neraka kemurkaan Allah, dan tempatnya ialah neraka jahannam, dan amat buruklah tempat kembalinya.

Maka sesungguhnya bukan kamu yang membunuh mereka, akan tetapi Allah yang membunuh mereka, dan bukan kamu yang melempar ketika kamu melempar, tetapi Allahlah yang melempar, dan untuk menguji orang-orang mukmin dengan ujian yang baik, sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Itulah kurnia Allah yang dilimpahkan kepada kamu, dan sesungguhnya Allah melemahkan tipu daya orang-orang yang kafir.

Jika kamu (orang-orang musyrik) meminta keputusan maka telah datang keputusan kepada kamu, dan jika kamu berhenti, maka itulah yang lebih baik bagi kamu dan jika kembali (meusuhi Rasul) necaya kami kembali pula (memberi pertolongan kepada Rasul) dan angkatan perang kamu sekali-kali tidak dapat menolak dari kamu sesuatu bahaya pun, biarpun dia banyak dan sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang beriman". (*Surah al-Anfal*: ayat 8-9)

Di samping itu banyak lagi ayat-ayat Allah yang diturunkan bersempena dengan peristiwa itu yang bertujuan sama ada memberi pengajaran dan petunjuk dalam memahami punca-punca kemenangan yang sebenar serta apakah langkah yang perlu diambil terhadap harta rampasan, tawanan perang dan menunjukkan sikap manusia terhadap peristiwa ini.

KESAN PERANG BADAR TERHADAP NEGARA ISLAM MADINAH

Berita kemenangan umat Islam telah tersebar ke seluruh semenanjung 'Arab di mana sebahagian besar dari penduduknya menyembah berhala. Kemenangan yang diperolehi secara tidak langsung telah memperkenalkan agama tauhid itu kepada orang-orang yang menentangnya serta memberi peringatan kepada mereka tentang hakikat agama yang dinyatakan oleh Nabi s.a.w.

Kemenangan tersebut telah membuka fikiran penentang-penentang Islam di mana sebelum ini telah dibelenggu oleh khurafat dan khayalan yang menyesatkan sehingga memuja batu-batu yang dipahat oleh tangan mereka sendiri. Dengan itu kalimah Allah menjadi tinggi dan kalimah kafir menjadi hina sehina-hinanya. Umat Islam yang dahulunya ditindas sewenang-wenangnya telah mencapai kekuatan yang berupaya untuk menyahut cabaran dan kemungkinan yang akan berlaku. Ianya bertepatan dengan firman Allah SWT:

"Dan ingatlah (hai para Muhajirin) ketika kamu masih berjumlah sedikit, lagi tertindas di bumi Mekah, kamu takut orang-orang (Mekah) menculik kamu, maka Allah memberi kepada kamu tempat menetap (di Madinah) dan dijadikan kamu kuat dengan pertolongan-Nya, dan diberi-Nya kepada kamu rezeki dari yang baik-baik agar kamu bersyukur". (*Surah al-Anfal*: ayat 26)

Kesimpulannya, kemenangan tersebut telah meninggalkan dua kesan yang potisif. Secara umumnya, peperangan Badar telah menjadikan umat Islam sebagai satu kekuatan yang digeruni. Orang-orang 'Arab yang dahulunya memandang kecil kepada Islam telah mula berfikir tentangnya.

Secara khususnya, peperangan Badar telah membuka fikiran orang-orang musyrikin dari suku 'Aus dan Khazraj serta orang-orang Yahudi. Mereka selama ini berpegang teguh dengan ajaran mereka dan menyembunyikan rasa dendam terhadap Islam, walaupun kadang-kadang rasa permusuhan itu terbongkar melalui sindiran-sindiran tajam yang diucapkan.

Apabila umat Islam mencapai kemenangan, ada di antara mereka yang terus menganut Islam secara ikhlas dan ada juga yang terus dengan sikap munafiq. Allah SWT telah mendedahkan sikap orang-orang munafiq ini menerusi wahyu-Nya dalam surah *al-Munafiqun* serta beberapa ayat dalam surah-surah yang lain.

"Apabila orang-orang munafiq datang kepadamu, mereka berkata: "Kami mengakui bahawa sesungguhnya kamu benar-benar Rasulullah" dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya kamu benar-benar Rasul-Nya, dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya orang-orang munafiq itu benar-benar orang dusta. Mereka menjadikan sumpah mereka sebagai perisai, lalu mereka menghalangi manusia dari jalan Allah.

Sesungguhnya amat buruklah apa yang telah mereka kerjakan, yang demikian itu adalah kerana bahawa sesungguhnya mereka telah beriman kemudian menjadi kafir (lagi), lalu hati mereka dikunci mati, kerana itu mereka tidak dapat mengerti.

Dan apabila kamu melihat mereka, tubuh-tubuh mereka menjadi kamu kagum, dan jika mereka berkata kamu mendengarkan perkataan mereka. Mereka adalah seakan-akan kayu yang tersandar, mereka mengira bahawa tiap-tiap teriakan yang keras ditujukan bahawa tiap-tiap teriakan yang karas ditujukan kepada mereka. Mereka itulah musuh yang sebenarnya, maka waspadalah terhadap mereka. Semoga Allah membinasakan mereka". (*Surah al-Munafiqun*: Ayat 1-4)

Jadi kemenangan umat Islam dalam peperangan Badar telah melahirkan berbagai sikap di kalangan Yahudi dan musyirikin yang tinggal di Madinah. Ada di kalangan mereka yang berpura-pura menganut Islam sebagai pelindungan pada kekufuran mereka. Pada hakikatnya mereka tetap menjalankan kerja-kerja jahat iaitu menimbulkan keraguan terhadap Islam terutama di kalangan mereka yang lemah imannya. Golongan munafiq hanya melahirkan ketundukan terhadap Islam secara zahir sahaja.

Mutiara Wahyu

"DAN Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang soleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa..."

Maksud surah *an-Nur ayat 55.*